



AMALAN TENAGA BERSIH

Kesihatan Planet merupakan fahaman bahawa kesihatan manusia dan peradaban bergantung kepada sistem semula jadi yang berkembang pesat dan pengurusan sistem tersebut yang pintar. Gaya hidup lestari boleh bermula dengan anda melalui peralihan penggunaan tenaga arang batu kepada penggunaan tenaga solar.

Di Malaysia, arang batu merupakan salah satu sumber tenaga yang penting untuk menjana tenaga elektrik. Namun begitu, pembakaran arang batu boleh menyebabkan kerosakan ekosistem yang memudaratkan. Pembakaran arang batu akan membebaskan bahan kimia toksik dan bahan zarah yang berbahaya kepada manusia dan alam sekitar.



Cara untuk menjimatkan kuasa elektrik



Gunakan panel solar sebagai sumber elektrik alternatif.



Gunakan mentol lampu yang menjimat tenaga.



Tutup suis dan cabut palam soket selepas menggunakan barangan elektrik




Tutup tingkap dan pintu ketika menggunakan pendingin hawa.

Perkara yang perlu diketahui tentang

TENAGA SOLAR

- Tenaga solar dijana oleh teknologi fotovoltaiik yang menukarkan cahaya matahari kepada tenaga elektrik.
- Kesan fotovoltaiik telah ditemui oleh Edmond Becquerel pada 1839.
- Tenaga solar merupakan salah satu sumber tenaga yang bersih dan tidak mencemar.
- Penggunaan panel solar telah mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1982.



Kelebihan penggunaan tenaga solar



Mesra alam



Sumber tenaga yang boleh diperbaharui (tenaga lestari)



Repurpose (komponen panel solar boleh diproses semula)



Bil utiliti bulanan yang lebih rendah



Mudah untuk dipasang dan diuruskan